

UTM.03/10.12/3 (46)

**PEKELILING PENTADBIRAN PEJABAT BENDAHARI BIL 2/2010**


**KEHADIRAN PERHIMPUNAN PAGI ISNIN**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menerangkan kehadiran staf Pejabat Bendahari yang tidak mengambil endah terhadap kepentingan Perhimpunan setiap Pagi Isnin di Pejabat Bendahari.

Perhimpunan Pagi Isnin telah menjadi amalan Pejabat Bendahari sejak dahulu lagi bertujuan mengeratkan silaturrahim di samping mendengar amanat dan pengumuman daripada Bendahari / Timbalan Bendahari mengenai sesuatu perkara yang perlu dimaklumkan.

1. Namun begitu, perhimpunan seminggu sekali ini seperti mendapat sambutan dingin dan kehadiran staf ke perhimpunan Pagi Isnin amat mendukacitakan.
2. Justeru, bagi menangani masalah ini pihak pengurusan Pejabat Bendahari telah memutuskan supaya kehadiran Perhimpunan Pagi Isnin ini adalah **DIWAJIBKAN** kepada **SEMUA STAF PEJABAT BENDAHARI** termasuk staf-staf yang bertugas di Unit Kewangan Pelajar, Stor Pusat dan Stor Alatulis.

- Pekeliling Pentadbiran PBUTM Bil 2/2010 ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2010**.

  
**MOHAMED BIN ABDULLAH**  
Bendahari,  
UTM Skudai  
Tarikh:

(seperti yang dipersetujui melalui Mesyuarat Pengurusan PBUTM Bil 2/2009 pada 16 Julai 2009)